

25/01/2003

Cara Malaysia atasi keganasan disokong

Mior Kamarul Shahid

DAVOS (Switzerland): Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan kumpulan hak asasi manusia yang membincangkan isu keganasan pada hari kedua Forum Ekonomi Dunia (WEF) ke-33 di sini semalam bersetuju dengan cara Malaysia menangani kegiatan pengganas.

Mereka sependapat dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa punca keganasan perlu ditangani pada peringkat akar umbi.

Bagaimanapun, Peguam Negara Amerika Syarikat, John Ashcroft memberi pandangan yang agak berbeza dengan alasan negaranya terpaksa mengendali bentuk keganasan yang berbeza.

Bercakap pada sesi pleno bertajuk 'Bagaimana Memerangi Keganasan akan Mengubah Dunia' semalam, Perdana Menteri berkata, kegiatan pengganas boleh diminimumkan jika tahu puncanya.

"Kita perlu mengenakan tekanan untuk menghapuskan puncanya dan menangkap mereka yang dikenali sebagai pengganas," katanya.

Dr Mahathir berkata, mustahil untuk mendapat hasil sempurna bagi menangani kegiatan keganasan.

Namun, katanya, tindakan yang dilakukan hari ini bukan saja mengurangkan kegiatan pengganas tetapi menimbulkan kemarahan banyak pihak, malah meningkatkan kegiatan pengganas.

Beliau memberi contoh tindakan terhadap rakyat Palestin yang terbuka mempertahankan bumi mereka, malah setiap kali mereka bertindak balas, mereka kehilangan bumi mereka.

"Dalam menangani pengganas, kita perlu membuat pendekatan yang terbuka walaupun ia tidak memberi kepuasan kepada setiap orang," katanya sambil menjelaskan pengamalan Malaysia dalam gerakan menghapuskan pengganas dengan cara memenangi hati mereka.

Ini termasuk memberi mereka taraf kewarganegaraan dan hak milik tanah selepas mengetahui itu adalah punca mereka melakukan perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang.

Setiausaha Agung dan Ketua Pegawai Eksekutif sebuah organisasi hak asasi manusia, Civicus-World Alliance for Citizen Participation, Kumi Naidoo dan Pengarah RAND, sebuah organisasi percambahan pendapat, di Washington, Bruce Hoffman bersependapat dengan pandangan Dr Mahathir.

Ahli panel lain yang membincangkan topik itu ialah Presiden Columbia, Alvaro Urbe Velez. Ia dikendalikan penyampai BBC World TV, United Kingdom, Nik Gowing.

Hoffman bersetuju dengan kenyataan Dr Mahathir bahawa semua pihak harus mencari punca keganasan daripada akar umbi sebagaimana yang dilakukan di Malaysia dalam menangani kumpulan yang cuba melakukan huru hara.

Baginya, isu keganasan tidak bermula pada 11 September 2001. Ia juga berlaku ketika darurat.

Naidoo berkata, cabaran untuk menangani keganasan daripada akar umbi adalah perkara yang fundamental.

Katanya, demokrasi dan undang-undang kemanusiaan tidak ada kompromi dalam usaha menangani keganasan.

Ashcroft pula berkata, Amerika juga mahu memenangi hati dan pemikiran rakyat tetapi keadaannya mungkin berbeza kerana ia membabitkan pengganas yang berbeza, sekali gus memerlukan usaha dan tenaga yang berbeza juga.

"Saya menjadi orang yang bongkak jika mengatakan saya tahu mengenai semua keadaan pengganas termasuk di Malaysia.

"Saya tidak pasti saya bersetuju dengan punca pengganasan. Keganasan

adalah serangan terhadap peraturan dan undang-undang. Ia berbeza situasi, bukan pendekatan sejagat," katanya.